



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 1 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PENYERTAAN WANITA DALAM TENAGA KERJA NEGARA KINI 56 PERATUS – NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2473239	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/30/nancy-women039s-labour-force-participation-hits-56	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2473246	BERNAMA.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/09/30/nancy-womens-labour-force-participation-hits-56/amp/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	TRIBUNAL ANTI GANGGUAN SEKSUAL FAIL 54 KES, MENANG 22 KES		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/30/tribunal-anti-gangguan-seksual-fail-54-kes-menang-22-kes/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/30/22-wins-recorded-at-anti-sexual-harassment-tribunal	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	NANCY LANCAR BUKU 30 TAHUN CEDAW MALAYSIA		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/30/nancy-lancar-buku-30-tahun-cedaw-malaysia/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cedaw-dan-fawn-2025-tanda-era-baharu-pemerkasaan-wanita-540849	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KERJASAMA RENTAS KEMENTERIAN PERKUKUH USAHA LINDUNGI PEKERJA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1452288/kerjasama-rentas-kementerian-perkukuh-usaha-lindungi-pekerja	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PLATFORM E-DAGANG BUKA PELUANG KEPADA USAHAWAN WANITA – NORAINI		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/09/30/platform-e-dagang-buka-peluang-kepada-usahawan-wanita-noraini/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	AGENDA WANITA, KEAMANAN DAN KESELAMATAN PERKUKUH DARI AKAR UMBI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269753/agenda-wanita-keamanan-dan-keselamatan-perkukuh-dari-akar-umbi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/peranan-wanita-penting-bagi-capai-keamanan-dunia-nurul-izzah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/agenda-wps-perlu-bermula-dari-rumah-nurul-izzah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1452311/agenda-wps-perlu-bermula-dari-rumah-nurul-izzah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-tonggak-keamanan-mula-dari-rumah-nurul-izzah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/30/keamanan-dunia-bermula-dari-rumah-nurul-izzah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/lite/news-bm.php?id=2473001	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	AGEING MALAYSIA: CHILDREN CARING FOR PARENTS HOPE BUDGET 2026 WILL EASE THEIR BURDEN		POSITIF
	https://www.sinardaily.my/article/730539/focus/national/agein-g-malaysia-children-caring-for-parents-hope-budget-2026-will-ease-their-burden	SINARDAILY.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

1/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PUSAT PERLINDUNGAN IBU-IBU MUDA		POSITIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/267547/pusat-perlindungan-ibu-ibu-muda/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	RMHC SANTUNI HAMPIR 6,000 KANAK-KANAK ISTIMEWA		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/30/rmhc-santuni-hampir-6000-kanak-kanak-istimewa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/rmhc-teruskan-komitmen-sokong-perkembangan-kanak-kanak-istimewa/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	KESAN TRAUMA SEBABKAN REMAJA MANGSA ROGOL TAWAR KHIDMAT SEKS - PAKAR PSIKOLOGI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269700/kesan-trauma-sebabkan-remaja-mangsa-rogol-tawar-khidmat-seks-pakar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113432/rape-trauma-pushes-kelantan-teen-to-offer-sex-services-on-telegram	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	BUDAK 2 TAHUN LEMAS JATUH LUBANG PEMBETUNG: BAPA DIDAKWA ABAIKAN ANAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1452400/budak-2-tahun-lemas-jatuh-lubang-pembetung-bapa-didakwa-abai-anak	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	GURU DIDAKWA CABUL MURID DI PEKAN: KERTAS SIASATAN DISERAH KEPADA DPP		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/guru-didakwa-cabul-murid-di-pekan-kertas-siasatan-diserah-kepada-dpp/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1284552/teacher-accused-molesting-pupil-probe-papers-sent-dpp	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PENGAIT SAWIT MENGAKU ROGOL ADIK IPAR		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1452291/pengait-sawit-mengaku-rogol-adik-ipar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269754/pengait-sawit-mengaku-salah-rogol-adik-ipar	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penyertaan Wanita Dalam Tenaga Kerja Negara Kini 56 Peratus – Nancy

🕒 30/09/2025 07:39 PM



KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara kini mencecah 56 peratus, dengan kerajaan menyasarkan jumlah itu akan meningkat 60 peratus menjelang 2030, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy berkata sasaran itu bukan hanya memerlukan usaha oleh Kementerian semata-mata sebaliknya komitmen semua pihak termasuk kerajaan negeri.

"KPWK telah memainkan peranan melalui inisiatif tertentu seperti penyediaan subsidi taska bagi menggalakkan lebih ramai wanita bekerja," katanya kepada media selepas merasmikan Forum Agenda Wanita Negara (FAWN) 2025 serta melancarkan buku 30 Tahun Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri KPWKM Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Hanani Sapi.

Pada masa sama, beliau berkata penguatkuasaan penuh Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) sejak 8 Mac lepas telah memberi jaminan keselamatan kepada wanita untuk berada di alam pekerjaan.

"Melalui penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS), sebanyak 22 daripada 45 kes yang difailkan berjaya diselesaikan dengan keadilan dalam tempoh 60 hari," katanya.

Terdahulu, Nancy dalam ucapannya turut menyenaraikan beberapa pencapaian utama Malaysia sepanjang tiga dekad sebagai Negara Pihak CEDAW, antaranya pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265) yang memperkukuh hak pekerja wanita dan pelantikan "Gender Focal Point" (GFP) dan "Gender Focal Team" (GFT) di setiap kementerian dan agensi.

Perkara itu dilaksanakan bagi mengarusperdanakan gender, selain pelaksanaan dasar sementara yang menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan

Selain itu, beliau berkata wanita Malaysia juga telah mencapai tahap kesaksamaan dalam bidang pendidikan apabila Sub-Indeks Pencapaian Pendidikan melepasi skor 1 dengan catatan 1.071 pada 2023, sekali gus membuka ruang kepada penyertaan lebih besar dalam sektor pekerjaan.

Nancy berkata FAWN 2025 juga berperanan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap Dasar Wanita Negara (DWN) selain menjadi platform perkongsian idea bagi memperkukuh hak dan peranan wanita di Malaysia.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy hadir merasmikan Forum Agenda Wanita Negara 2025 dan Pelancaran Buku 30 Tahun CEDAW di ibu negara hari ini. Foto, Amiruddin Shah (TVS).

Tribunal Anti Gangguan Seksual fail 54 kes, menang 22 kes

By Amirah Shawel #bm, Malaysia September 30, 2025 7:17 PM

KUALA LUMPUR, 30 Sept: Tribunal Anti Gangguan Seksual (TAGS) telah memfailkan sebanyak 54 kes berkaitan gangguan seksual dan memenangi 22 daripada kes tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata penubuhan TAGS telah memberi keyakinan kepada golongan wanita yang pernah mengalami gangguan seksual untuk mendapatkan keadilan.

"Ia lebih memberi kesan kepada mereka yang terbabit atau menjadi mangsa gangguan seksual kerana masa memfailkan kes adalah lebih pendek, mudah dan cepat iaitu 60 hari," katanya.

Nancy berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Forum Agenda Wanita Negara 2025 dan Pelancaran Buku 30 Tahun CEDAW, di sini, hari ini.

Turut hadir timbalannya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Sementara itu Nancy berkata, penubuhan tribunal itu juga adalah sebagai alternatif bagi mendapatkan pembelaan selain ke mahkamah.

Mengenai penglibatan golongan wanita sebagai pembuat keputusan pula, Nancy menjelaskan setakat ini kerajaan mencapai 56.3 peratus pembabitan berbanding 82 peratus lelaki.

"Kami (KPWK) memainkan peranan dari segi mempermudah ataupun melahirkan suasana yang selamat dan selesa melibatkan undang-undang dasar untuk melindungi wanita," ujar beliau.

Kata beliau, kerajaan sebelum ini menyasarkan penglibatan wanita sebanyak 60 peratus sebagai pembuat keputusan. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy bercakap dalam sidang media selepas hadir Majlis Perasmian Forum Agenda Wanita Negara 2025 dan Pelancaran Buku 30 Tahun CEDAW, di Kuala Lumpur hari ini. Foto: Amiruddin Shah (TV5).

Nancy lancar Buku 30 tahun CEDAW Malaysia

By Amirah Shawel #bm. Malaysia September 30, 2025 4:51 PM

KUALA LUMPUR, 30 Sept: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri melancarkan Buku 30 Tahun Konvensyen tentang Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) hari ini sempena ulang tahun ke-30 penyertaan Malaysia dalam konvensyen itu.

Beliau berkata buku itu mendokumentasikan perjalanan penuh liku CEDAW dalam menjaga dan melindungi kepentingan sosial wanita di negara ini.

"(Ini) termasuk pengiktirafan apabila Malaysia diwakili oleh seorang tokoh iaitu Puan Mary Shanti Dariam di peringkat Jawatankuasa CEDAW Antarabangsa. Ini membuktikan bahawa suara Malaysia bukan hanya kedengaran di dalam negara tetapi juga dihormati di pentas dunia," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Perasmian Forum Agenda Wanita Negara 2025 dan Pelancaran Buku 30 Tahun CEDAW, di sini, hari ini.

Turut hadir timbalannya, Datuk Seri Nooraini Ahmad.

Sementara itu, kata Nancy, negara telah menyaksikan perubahan yang nyata dalam tempoh 30 tahun ini bagi memperjuang kesaksamaan buat golongan wanita.

Antaranya jelas beliau termasuk pindaan Akta Kerja 1995 untuk melindungi pekerja wanita dengan lebih baik, penguatkuasaan sepenuhnya Akta Anti Gangguan Seksual 2022 (Akta 840) menerusi penubuhan Tribunal Anti Gangguan Seksual, mewujudkan Gender Focal Point serta Gender Focal Team di setiap kementerian dan menetapkan pembuat keputusan harus terdiri daripada 30 peratus wanita.

"Dalam (sektor) pendidikan, skor sub-indeks pencapaian pendidikan wanita mencecah 1,071 pada 2023, bukti wanita Malaysia tidak lagi ketinggalan, malah mendahului dalam bidang akademik. Sasaran kita seterusnya jelas memastikan 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja," ujar beliau.

Jelas Nancy, perjuangan negara dalam mencapai kesaksamaan gender adalah masih jauh dan perlu diterjemah ke dalam dasar, undang-undang, peluang pekerjaan dan kehidupan setiap wanita di negara ini.

"Saya menyeru semua kerajaan, NGO, pihak akademik, masyarakat sivil dan rakyat untuk terus bersama-sama dalam perjuangan ini kerana hanya dengan pendekatan 'whole of nation' barulah kita dapat membina sebuah negara yang benar-benar adil dan inklusif," kata beliau. – TV5

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerjasama rentas kementerian perkukuh usaha lindungi pekerja

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli • September 30, 2025 @ 12:19pm
bhnews@bh.com.my



Dari kiri, Moderator, Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Emeritus Prof Datuk Dr Norma Mansor bersama ahli panel, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

KUALA LUMPUR: Kerjasama rentas kementerian perlu diperkukuh supaya usaha membangunkan sistem perlindungan sosial golongan sasaran dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

Menerusi sesi plenari khas dengan beberapa menteri sempena Forum Keselamatan Sosial Sedunia (WSSF) 2025 semalam, mereka secara dasarnya mengakui sinergi antara kementerian adalah kunci utama ke arah itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya tidak terkecuali memanfaatkan pendekatan itu menerusi kerjasama dengan kementerian lain bagi menyelesaikan isu berbangkit seperti keselamatan sosial khusus bagi golongan wanita dan suri rumah dalam industri gig.

"Kita perlu bekerjasama dengan semua kementerian. Kami bekerja dengan Kementerian Sumber Manusia, bergantung kepada isu dan mereka boleh membekalkan kami dengan data diperlukan," katanya ketika menjadi panel sesi berkenaan, semalam.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, mengakui kepentingan berkolaborasi sesama kementerian untuk mencari penyelesaian isu perlindungan sosial, seperti ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Perdana Menteri selalu tegaskan dalam mesyuarat Kabinet mengenai pentingnya kolaborasi. Dengan peruntukan yang terhad, kita perlu bekerjasama.

"Jangan letakkan perlindungan sosial dalam kotak kerana keadaannya akan menjadi berbeza pada masa akan datang," katanya.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo, berpandangan setiap kementerian mempunyai cabaran tersendiri yang memerlukan kerjasama rentas kementerian untuk menyelesaikan isu berbanding.

"Tiada apa dapat diselesaikan jika kita bekerja secara sendiri atau silo.

Tambah dana bangunkan sistem penjaagaan jangka panjang

KUALA LUMPUR: Negara membangun perlu meningkatkan pendanaan bagi membangunkan sistem penjaagaan bersifat jangka panjang dalam mendepani negara menua.

Pengarah Perlindungan Sosial, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Shahrashoub Razavi, berkata 60 peratus populasi dunia berusia 65 tahun ke atas belum menikmati perlindungan jangka panjang sewajarnya ketika ini.

"Penuaan amat cepat berlaku termasuk di negara Asia Pasifik dan banyak negara membangun belum membuat persediaan ke arah ini.

"Jika kita dapat membina perlindungan sosial jangka panjang, ia akan melegakan mereka dalam meluluskan usia tua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel pada sidang pleno bertajuk 'Perkembangan dan Trend Global Mengenai Keselamatan Sosial' sempena Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di sini, semalam.

Sementara itu, Kaunselor Kanan kepada Pengarah dan Ketua Bahagian Dasar Sosial, Pekerjaan, Buruh dan Hal Ehwal Sosial Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Monika Queisser, berkata isu kesaksamaan jantina dan hal keibubapaan perlu diberi keutamaan.

Katanya, dasar yang diperkenalkan bagi mengatasi kedua-dua isu itu mungkin tidak mampu mengatasi segalanya, namun ia memadai dalam membantu merentasi pelbagai bidang untuk menyokongnya.

"Menyokong penyelarasan kerja dan kehidupan keluarga penting kepada ibu bapa. Kurangkan dikotomi antara pekerja formal, sementara dan tidak formal, di samping tingkatkan akses kepada sokongan untuk pekerja sementara atau tidak formal," katanya.

Sementara itu, delegasi Mexico, Velasco Hernandez Alvaro, berkata persediaan menghadapi negara menua menjadi antara topik penting yang disentuh dalam pengantjaran forum kali ini.

"Di Mexico, setakat ini kami tidak menghadapi isu penuaan yang kritikal kerana negara kami mempunyai ramai orang muda.

"Namun, kami juga mesti bersedia untuk berdepan situasi sama yang dilalui banyak negara lain termasuk keperluan memperkasa peranan wanita," katanya.

INFO

- Indonesia menghantar delegasi terbesar dengan 45 peserta, diikuti Jerman (41), Kemboja (35), Switzerland (34) dan Maghribi (24).
- Tujuh menteri dari luar negara hadir, termasuk mewakili Paraguay, Bahamas, Arab Saudi, Uganda dan Eswatini.
- Perhimpunan menampilkan penyertaan meluas pelbagai rantau dunia
- Diiktiraf sebagai acara antarabangsa berprestij

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Platform E-Dagang Buka Peluang Kepada Usahawan Wanita – Noraini

30 September 2025

Berita Lain, Berita Utama

KUALA LUMPUR, 30 Sept – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menyifatkan era digital yang pesat berkembang hari ini membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk wanita Malaysia mencipta kejayaan dalam bidang keusahawanan, khususnya menerusi platform e-dagang.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia berkata, melalui platform maya tersebut ia bukan sahaja menjadi medium jual beli moden, malah menjadi nadi baharu kepada pertumbuhan ekonomi negara

"Era e-dagang hari ini membuka ruang dan potensi yang begitu luas. Platform seperti Shopee, TikTok Shop dan Lazada telah menjadi nadi pertumbuhan ekonomi baharu.

"Saya yakin, dengan bimbingan, ilmu dan kreativiti yang dimiliki, wanita Malaysia mampu melakar lebih banyak kejayaan di dunia digital," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Noraini berkata demikian menerusi satu hantaran di Facebook berkongsi kehadiran

menyempurnakan Majlis Penutupan Program eRISE Masterclass – Memperkasa Wanita Melalui E-Commerce anjuran Yayasan Juwita yang diadakan di Auditorium, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia, malam tadi.

Katanya kehadiran usahawan wanita dari pelbagai latar belakang dalam program tersebut membuktikan bahawa golongan wanita kini lebih berani untuk melangkah ke hadapan dalam memanfaatkan peluang ekonomi digital.

"Saya amat berbesar hati melihat semangat yang ditunjukkan oleh para peserta yang bukan sahaja ingin menimba ilmu, malah sanggup meluangkan masa demi memperkukuh perniagaan masing-masing.

"Kehadiran mereka adalah tanda bahawa wanita Malaysia tidak pernah ketinggalan dalam arus baharu ekonomi digital yang kian pesat membangun," ujar beliau.



khususnya dengan Guangdong Lingnan Modern Technician College dari China.

"Usaha sebegini bukan sahaja memperkukuh jaringan global, malah membuka ruang pertukaran ilmu dan pengalaman yang amat berharga untuk usahawan kita," ujar beliau. – *UMNO Online*

Mengulas lanjut, Noraini memaklumkan kerajaan komited fokus kepada pembangunan ekonomi digital melalui dasar MyDIGITAL dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Menurut beliau pelbagai usaha telah digerakkan untuk memastikan rakyat, khususnya wanita dan belia, dapat mengambil manfaat sepenuhnya daripada transformasi digital.

"Saya turut menghargai kerjasama strategik antarabangsa yang dijalinan,

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : AGENDA WPS PERLU BERMULA DARI RUMAH

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Agenda WPS perlu bermula dari rumah

Kuala Lumpur: Rantau Asia Tenggara perlu memastikan agenda wanita, keamanan dan keselamatan (WPS) bermula dari rumah sebelum dibawa ke peringkat antarabangsa.

Pengerusi Eksekutif POLITY, Nurul Izzah Anwar, berkata sebarang perancangan yang dirancang perlu memberi tumpuan kepada usaha mengelakkan konflik daripada tercetus dan tidak sampai ke tahap krisis yang lebih besar.

"Kita kena cari jalan, apakah faktor-faktor utama yang mampu kita garap untuk memulakan keamanan dari rumah.

"Selain itu, adalah penting untuk generasi muda, rakyat negara ini dan masyarakat Asia Tenggara untuk mempelajari sejarah masing-masing. Kita harus mengingat tragedi pembunuhan beramai-ramai di Kemboja yang menghapuskan satu generasi," katanya pada sidang media selepas perasmian Persidangan Ke-



Nurul Izzah berucap pada Persidangan Kepimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di Bangunan Parlimen, semalam.
(Foto Elzairi Shamsudin/BH)

pimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di Bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul

Sementara itu, Nurul Izzah, berkata Asia Tenggara juga perlu memperkukuh solidariti dan per-

saudaraan rantau dalam hal membabitkan perang di Gaza.

Katanya, konflik yang berlaku di Gaza memberikan impak yang besar kepada wanita.

"Suara wanita perlu didengari, terutama dalam isu membabitkan Gaza.

"Walaupun rantau kini dalam

keadaan aman, kita harus sentiasa berwaspada kerana sebuah negara yang tidak menghormati undang-undang antarabangsa boleh menjadi ancaman kepada seluruh dunia.

"Malaysia, negara pertama yang menunjukkan sokongan jelas dengan Perdana Menteri (Da-

tuk Seri Anwar Ibrahim) sendiri menyatakan sokongan Kerajaan Malaysia dalam hal ini," katanya.

Terdahulu, persidangan yang dianjurkan POLITY dengan kerjasama Parlimen Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu disertai 400 peserta termasuk dari badan beruniform, agensi kerajaan serta pihak yang mengangkat agenda itu dari Asia Tenggara.

Penganjuran persidangan itu rentetan pelancaran Pelan Tindakan Kebangsaan pertama mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan (NAP WPS) yang dilancarkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, pada 9 September lalu.

Pelan itu bertujuan memperkasakan kerangka dasar komprehensif pertama negara dalam agenda keamanan dan keselamatan wanita.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram TikTok

**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : 'KEAMANAN BERMULA DARI RUMAH'

HARI : RABU

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

TONE : POSITIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 17

SEKTOR : KPWK

PERSIDANGAN KEPEMIMPINAN WANITA ASIA TENGGARA 2025

'Keamanan bermula dari rumah'

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Agenda berkaitan wanita, keamanan dan keselamatan perlu diperkukuh dari akar umbi bagi memastikan ia benar-benar memberi impak kepada masyarakat khususnya wanita dan generasi muda di rantau ini.

Pengerusi Eksekutif Polity, Nurul Izzah Anwar berkata, generasi muda dan rakyat Malaysia serta Asia Tenggara perlu mempelajari sejarah masing-masing termasuk tragedi genosid di Kemboja selain menzahirkan solidariti terhadap Gaza, Palestin.

"Agenda wanita, keamanan dan keselamatan bukan sekadar di peringkat dasar, tetapi juga bermula dari rumah.

"Kita cari faktor utama mulakan keamanan itu dari keluarga sebelum meluas ke peringkat negara dan hubungan antara-bangsa.

"Hari ini, satu persidangan diusahakan pihak Polity dalam usaha kita hendak pastikan ia berakar di bawah kerana perancangan penting adalah bagaimana kita boleh mengelakkan konflik daripada meledak menjadi krisis," katanya pada sidang media selepas perasmian Persidangan Kepemimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di bangunan Parlimen di sini, semalam.



NURUL Izzah (kiri) ketika Sesi Dialog bertajuk Leading Peace and Relief in Times of Crisis pada Persidangan Kepemimpinan Wanita Asia Tenggara 2025. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

dangan Kepemimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) M Kulasegaran.

Mengulas lanjut, Nurul Izzah berkata, suara wanita tidak boleh diketepikan dan pemerkasaan kepimpinan wanita bukan sahaja keutamaan nasional, namun keperluan serantau bagi memperkukuh

ASEAN secara menyeluruh.

"Wanita di Asia Tenggara sudah lama ada sejarah perjuangan. Semasa saya bercakap dengan Dr Amina Rasul-Bernardo (Presiden Pusat Islam dan Demokrasi Filipina), yang menegaskan betapa pentingnya aktivisme wanita diteruskan dalam agenda ini.

"Kita lihat baru-baru ini semasa Thailand dan Kemboja, wujud proses yang mampu melahirkan gencatan senjata. Kita juga harus melihat impak konflik kepada wanita dan anak.

"Begitu juga pasca konflik seperti di Mindanao khususnya bangsa Moro di Filipina. Malaysia walaupun tiada konflik aktif, sentiasa memainkan peranan sebagai *peace keeper* atau perunding dalam perjanjian damai.

"Kita pastikan kepimpinan dan kepakaran sampai ke akar umbi supaya wanita memahami keperluan, cara melindungi mereka, menguruskan kawasan konflik serta menjadikannya sebahagian daripada kurikulum," katanya.

Beliau berkata, penderi-

taan rakyat Gaza juga tidak boleh dilupakan termasuk misi Global Sumud Flotilla (GSF) yang turut disertai wanita Malaysia mewakili negara.

"Malaysia, negara pertama tunjuk sokongan jelas dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) menyatakan dokongan kerajaan Malaysia dalam hal ini.

"Rakyat Malaysia perlu mengikuti perkembangan GSF secara dekat kerana apa yang berlaku di Gaza membuktikan negara yang tidak menghormati undang-undang antarabangsa menjadi ancaman kepada seluruh dunia," katanya.

Persidangan dianjurkan Polity dengan kerjasama Parlimen Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu disertai 400 peserta dari badan beruniform, agensi kerajaan serta pelbagai pihak bagi memperkukuh kerjasama rantau ASEAN.

"Wanita di Asia Tenggara sudah lama ada sejarah perjuangan"
Nurul Izzah

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ELEVATE MORE WOMEN TO DECISION-MAKING ROLES, SAYS NURUL IZZAH

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

EMPOWERMENT

Elevate more women to decision-making roles, says Nurul Izzah

KUALA LUMPUR: Southeast Asian nations must boost efforts to elevate women from the grassroots to the highest levels of decision-making, said Polity executive chairman Nurul Izzah Anwar.

She said empowering women in leadership was not just a national priority but also a regional imperative, with knowledge and expertise needing to transcend borders to strengthen Asean.

"We ensure that leadership and expertise are extended to the grassroots," she said at the Southeast Asian Women Leadership Conference at the Parliament building yesterday.

She said the conference was a stepping stone towards the realisation of the National Action Plan on Women, Peace and Security (NAP-WPS), launched by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri on Sept 9.

Nurul Izzah said the framework was a milestone in adopting the United Nations Security Council Resolution 1325 into a concrete national roadmap for women's empowerment.

"This conference serves two purposes. First, to support the implementation of Malaysia's NAP-WPS by fostering multi-stakeholder dialogue and generating actionable insights. Second, to boost coop-

eration among Asean nations.

"This is a region that escaped the clutches of colonisation. We survived, we thrived and that is why we must lead."

The conference, organised by Polity in collaboration with Parliament and Women, Family and Community Development Ministry, brought together 400 participants, including members of uniformed bodies, government agencies and regional stakeholders.

Present were Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) M. Kulasegaran, Seputeh member of parliament (MP) Teresa Kok and Ipoh Timor MP Howard Lee Chuan How.

Meanwhile, she said the suffering of the people of Gaza must not be forgotten, adding that Malaysian women had joined the Global Sumud Flotilla (GSF) mission.

"Malaysia was the first country to show support, with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim himself expressing the government's commitment to this cause.

"Malaysians must follow the developments of the GSF closely, because what is happening in Gaza proves that any country that disregards international law will pose a threat to the world," she added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Agenda wanita, keamanan dan keselamatan perkukuh dari akar umbi

Mahazura Abd Malik
mahazura@mediaprima.com.my



JOHARI (dua, kanan) melakukan gimik perasmian sambil diaksikan oleh Nurul Izzah (tiga, kanan) di Persidangan Kepimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di Bangunan Parlimen. FOTO Elzair Shamsudin.

Kuala Lumpur: Agenda berkaitan wanita, keamanan dan keselamatan perlu diperkukuh dari akar umbi bagi memastikan ia benar-benar memberi impak kepada masyarakat khususnya wanita dan generasi muda di rantau ini.

Pengerusi Eksekutif Polity, Nurul Izzah Anwar berkata, generasi muda dan rakyat Malaysia serta Asia Tenggara perlu mempelajari sejarah masing-masing, termasuk tragedi genosid di Kemboja selain, menzahirkan solidariti terhadap Gaza, Palestin.

"Agenda wanita, keamanan dan keselamatan bukan sekadar di peringkat dasar, tetapi juga bermula dari rumah.

"Kita cari faktor utama untuk memulakan keamanan itu dari keluarga sebelum meluas ke peringkat negara dan hubungan antarabangsa.

"Hari ini, satu persidangan diusahakan pihak Polity dalam usaha kita hendak pastikan ia berakar di bawah kerana perancangan penting adalah bagaimana kita boleh mengelakkan konflik daripada meledak menjadi krisis," katanya pada sidang media selepas perasmian Persidangan Kepimpinan Wanita Asia Tenggara bertemakan Wanita, Keamanan dan Keselamatan di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) M Kulasegaran.

Mengulas lanjut, Nurul Izzah berkata, suara wanita tidak boleh diketepikan dan pemerksaan kepimpinan wanita bukan sahaja keutamaan nasional, namun keperluan serantau bagi memperkukuh ASEAN secara menyeluruh.

"Wanita di Asia Tenggara sudah lama mempunyai sejarah perjuangan. Semasa saya bercakap dengan Dr Amina Rasul-Bernardo (Presiden Pusat Islam dan Demokrasi Filipina), yang menegaskan betapa pentingnya aktivisme wanita diteruskan dalam agenda ini.

"Kita lihat baru-baru ini semasa Thailand dan Kemboja, wujud proses yang mampu melahirkan cecatan senjata. Kita juga harus melihat impak konflik kepada wanita dan anak-anak.

"Begitu juga pasca konflik seperti di Mindanao khususnya bangsa Moro di Filipina. Malaysia walaupun tiada konflik aktif, sentiasa memainkan peranan sebagai peacekeeper atau perunding dalam perjanjian damai.

"Kita pastikan kepimpinan dan kepakaran sampai ke akar umbi supaya wanita memahami keperluan, cara melindungi mereka, menguruskan kawasan konflik serta menjadikannya sebahagian daripada kurikulum," katanya.

Beliau berkata, pendataan rakyat Gaza juga tidak boleh dilupakan termasuk misi Global Sumud Flotilla (GSF) yang turut disertai wanita Malaysia mewakili negara.

"Malaysia, negara pertama yang menunjukkan sokongan jelas dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sendiri menyatakan sokongan kerajaan Malaysia dalam hal ini.

"Rakyat Malaysia perlu mengikuti perkembangan GSF secara dekat kerana apa yang berlaku di Gaza membuktikan negara yang tidak menghormati undang-undang antarabangsa akan menjadi ancaman kepada seluruh dunia," katanya.

Persidangan dianjurkan Polity dengan kerjasama Parlimen Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu disertai 400 peserta dari badan beruniform, agensi kerajaan serta pelbagai pihak bagi memperkukuh kerjasama rantau ASEAN.

Persidangan itu turut menjadi batu loncatan ke arah merealisasikan Pelan Tindakan Kebangsaan pertama mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan (NAP WPS) yang dilancarkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, 9 September lalu.

Pelan itu bertujuan memperkasakan kerangka dasar komprehensif pertama negara dalam agenda keamanan dan keselamatan wanita sekali gus membuktikan kesungguhan kerajaan bagi memastikan wanita bukan sahaja dilindungi, malah turut diberi keyakinan serta peluang menonjolkan kepimpinan mereka.

Disiarkan pada: September 30, 2025 @ 1:07pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ageing Malaysia: Children caring for parents hope Budget 2026 will ease their burden

Families are hoping that eldercare policies, healthcare incentives and financial reliefs will be given more weight to ease their struggles.



By KOUSALYA SELVAM
30 Sep 2025 10:53am



The reality of ageing parents often falls heavily on the shoulders of their children, many of whom face not only financial pressure but also physical and emotional strain in providing round-the-clock care. Photo for illustrative purposes only - Canva

SHAH ALAM - Malaysia is on the path to becoming a rapidly ageing nation, with projections indicating that by 2030, 15 per cent of its population will be aged 60 and above.

This demographic shift poses pressing questions on how families, especially adult children, can cope with the demands of caring for ageing parents while juggling careers, financial commitments and personal well-being.

The reality of ageing parents often falls heavily on the shoulders of their children, many of whom face not only financial pressure but also physical and emotional strain in providing round-the-clock care.

As the government will table Budget 2026 next month, families are hoping that eldercare policies, healthcare incentives and financial reliefs will be given more weight to ease their struggles.

For Carolin Liza Cross, 44, an entrepreneur, the responsibility of caring for her elderly parents has meant restructuring her life and finances.

She explained that government support remains minimal, with social welfare assistance far from adequate.

"Taking care of the elderly is not easy. The welfare department only gives three packets of adult diapers a month, which isn't even enough for a single month.

"On top of that, some parents require dialysis, which means countless hospital trips, ambulance calls and weekly check-ups. If you're a middle-class family without a car, it's impossible to keep up with these costs," she told Sinar Daily.

Liza believes the government should adopt a more proactive healthcare monitoring system, such as weekly nurse visits.

"For stroke patients and those on dialysis, there should be a nurse assigned to check on them weekly. Waiting three months for a hospital review can make conditions worse, especially for diabetic wounds.

"I had to withdraw my Employment Provident Fund (EPF) just to bring my mother to a private hospital when government hospitals didn't provide proper treatment. These are things families shouldn't have to face alone," she added.

She also highlighted the economic toll on caregivers, noting that many adult children are forced to step back from their careers to care for their aging parents.



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (center) attends the Budget 2026 Engagement Session with tourism and manufacturing industry players in Banda Hilir recently.

"Some children sacrifice their careers to look after their parents full-time. But when we hit our 30s or 40s, most companies don't want to hire us anymore.

"The government should look into supporting children who become full-time caregivers, because otherwise we risk falling into poverty ourselves," she said.

Beyond medical care, Liza also called for subsidies on elderly nutrition.

"Milk powders for the elderly are very expensive and many families just cannot afford them. It would help tremendously if the government could relook at subsidies for this," she said.

Meanwhile, Nur Suhailah Sharudin, 28, a customer service officer, represents the younger generation of Malaysians who are already juggling the responsibilities of caring for aging parents while establishing their careers.

"What many don't realise is that young adults like me are not medically trained to handle stroke, dementia or diabetic care at home.

"I hope the government will allocate funds for workshops or short courses to train family caregivers with basic nursing knowledge. It would make a big difference," she said.

Suhailah also stressed the financial pressures faced by working families, noting that sudden illnesses or chronic conditions among elderly parents often lead to mounting hospital expenses.

"Whenever parents fall sick, the medical bills can be overwhelming. I think the government should introduce a low-cost insurance or special medical scheme for senior citizens, so children don't have to bear all the costs out-of-pocket," she said.

She believes Budget 2026 should also prioritise affordable community solutions.

"We need more elderly day-care centres, so children who are working have a safe place to send their parents during the day.

"Employers too should be encouraged to provide flexible hours, remote work options or caregiver leave and the government can incentivise them to do so," she said.

Tax reliefs remain another major concern for families supporting ageing parents.

"Expanding personal tax reliefs for children caring for their elderly parents would be a big help.

"Many of us are still building our careers but already paying for medical costs and home care, so every bit of relief counts," she added, Suhailah added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pusat perlindungan ibu-ibu muda

Published on: Tuesday, September 30, 2025
By: Wu Vui Tek



RAIKHAN menunjukkan salah satu bilik di pusat berkenaan.

KOTA KINABALU: Sabah dipilih sebagai lokasi Rumah Ibu Care Centre pertama di Malaysia yang rasmi dibuka di Taman Kingfisher Sulaman. Pusat itu mampu menempatkan sehingga tujuh orang ibu berusia antara 18 hingga 35 tahun masing-masing dengan seorang atau dua anak kata Pengurus Projek Mother's Home International Raikhan Berekenova.

"Kami mahu lihat bagaimana ia berfungsi di sini sebelum menyesuaikan dengan keperluan tempatan.

"Buat masa ini kami masih mempelajari konteks budaya setempat," katanya.

Pelancaran diselenggarakan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Datuk Maria Chong.

Raikhan menjelaskan program ini berasaskan kaedah yang terbukti di negara lain tetapi akan diubah suai mengikut kesesuaian tempatan.

"Kami berharap ini menjadi permulaan kepada lebih banyak pusat seumpama ini di Malaysia dengan sokongan rakan kerjasama dan penderma.

"Jika ada lebih ramai rakan tempatan termasuk syarikat korporat yang mahu membantu memberi harapan kepada ibu-ibu ini kami terbuka untuk bekerjasama.

Kami telah menyediakan laporan dan audit dijalankan oleh KPMG," katanya menambah inisiatif itu disokong Mother's Home Foundation yang ditubuhkan pada 2023 oleh ahli perniagaan dan dermawan Kazakhstan, Aidyn Rakhimbayev dengan sokongan penuh negara tersebut.

Bellau turut memahami cabaran di Sabah termasuk ibu bawah umur yang menjadi mangsa penderaan rumah tangga, kemiskinan dan stigma sosial.

Pusat berkenaan melengkapkan ibu dengan kemahiran praktikal seperti menjahit, membuat roti, memasak serta kerja dandanan kuku bagi membantu mereka berdikari.

Menurutnya golongan ibu terbabit boleh tinggal sehingga enam bulan dengan lanjutan bergantung kepada kes individu.

"Bulan pertama adalah tempoh orientasi, diikuti empat bulan latihan, kaunseling dan sokongan perubatan.

"Bulan terakhir pula memberi persediaan ke arah kehidupan berdikari seperti menghadiri temu duga kerja atau mendaftar perniagaan kecil," jelas Raikhan.

Mother's Home International Foundation (MHIF) ialah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berdedikasi melindungi ibu-ibu yang menghadapi krisis, mencegah pembuangan bayi dan mengekalkan keutuhan keluarga.

Sejak diperkenalkan di Kazakhstan pada 2013 inisiatif Mother's Home berkembang kepada 20 pusat di 18 bandar membantu lebih 10,000 bayi kekal bersama keluarga mereka dan mengelakkan ribuan daripada dihantar ke rumah anak yatim.

Di Malaysia MHIF menyasarkan untuk membantu lebih 100 wanita dan kanak-kanak setiap tahun dengan rancangan untuk berkembang ke negeri lain pada masa depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Shamsidar menyampaikan replika cek RM50,000 bagi fasiliti Bilik Terapi Sensori Integrasi di Rumah Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah kepada Pengetua, Khairunnisa Zainal pada Program Bulan Komuniti McDonald's & RMHC 2025 dengan kerjasama JKM di Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, hari ini.

RMHC santuni hampir 6,000 kanak-kanak istimewa

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL | 30 September 2025, 3:22 pm

SEREMBAN – Persatuan Kebajikan Ronald McDonald (RMHC) Malaysia meneruskan komitmennya mendekati masyarakat khususnya anak-anak istimewa menerusi Program Bulan Komuniti McDonald's & RMHC 2025 yang memasuki tahun kesembilan, tahun ini.

Pengarah Komunikasi Korporat McDonald's Malaysia merangkap Timbalan Setiausaha RMHC, Shamsidar Yahya berkata, bulan komuniti bukan sekadar program kebajikan, sebaliknya platform untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perhatian dan peluang mencipta kenangan bermakna.

"Bulan komuniti antara program utama yang mencerminkan tanggungjawab kami sebagai jiran prihatin.

"Lebih istimewa tahun ini kami bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan manfaat sampai terus kepada komuniti yang memerlukan," katanya ketika ditemui di Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, di sini hari ini.

Sejak diperkenalkan pada 2017, program yang diadakan pada setiap Oktober itu adalah bagi meraikan anak-anak yatim sebelum diperluaskan kepada anak-anak istimewa.

Pada tahun ini, hampir 6,000 kanak-kanak daripada lebih 120 rumah kebajikan di bawah JKM dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) diraikan sempena hari jadi McDonald's di seluruh negara.

Dalam majlis sama, RMHC turut mengumumkan pembinaan Bilik Terapi Sensori Integrasi di Rumah Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah bernilai RM50,000 sumbangan RMHC dan RM10,000 tambahan daripada McDonald's Malaysia.

Bilik itu dilengkapi peralatan khas dan tenaga terapi profesional yang mampu menyediakan sehingga 120 sesi terapi sebulan untuk anak-anak dengan autistik, Kecelaruhan Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif dan cabaran perkembangan deria dan kognitif.

Fasiliti itu memberi manfaat kepada 96 penghuni rumah kebajikan tersebut selain dibuka kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sekitar Negeri Sembilan menjadikannya hab latihan untuk tenaga pengajar dan ahli terapi dalam bidang intervensi awal.

Shamsidar berkata, inisiatif itu diharap menjadi pemangkin kepada lebih banyak syarikat swasta untuk tampil menghulurkan sokongan melalui program tanggungjawab sosial masing-masing. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kesan trauma sebabkan remaja mangsa rogol tawar khidmat seks - Pakar psikologi

Amir Abdul Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



FOTO HIASAN

Kuala Lumpur: Kes remaja perempuan berusia 15 tahun di Kelantan yang menawarkan khidmat seks melalui aplikasi Telegram selepas menjadi mangsa rogol, sebenarnya membuka mata masyarakat mengenai kesan trauma mendalam yang boleh menjerumuskan mangsa sepertinya ke kancah lebih berbahaya.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, kesan rogol tidak hanya bersifat jangka pendek tetapi juga memberi impak jangka panjang terhadap emosi, psikologi, fizikal, sosial dan spiritual mangsa.

Katanya, apa yang berlaku terhadap remaja berkenaan tidak wajar dipandang ringan kerana ia membabitkan faktor psikologi, sosial, ekonomi serta risiko keselamatan diri yang tinggi.

"Remaja yang pernah menjadi mangsa rogol atau penderaan seksual lebih berisiko terjebak dalam situasi seperti ini.

"Trauma yang tidak dirawat boleh membuatkan mereka hilang arah, rasa tidak berharga, lalu mencari jalan keluar yang salah," katanya.

Menurutnya, antara punca remaja seperti kes itu menawarkan khidmat seks ialah masalah kewangan, pengaruh rakan sebaya, pendedahan media sosial, kekurangan kasih sayang keluarga serta ketiadaan kesedaran moral dan tidak didedahkan pendidikan seksual yang betul.

Beliau berkata, sebahagian remaja juga terpengaruh dengan budaya 'sugar baby' atau godaan gaya hidup mewah, manakala ada yang terjerat kerana hubungan keluarga renggang dan kurang perhatian.

"Isu ini bukan semata-mata masalah remaja nakal, tetapi lebih kepada eksploitasi, kekosongan jiwa dan kelemahan sistem sokongan. Jika tidak ditangani, ia boleh berulang dan menjejaskan masa depan mereka," katanya.

Siti Fatimah berkata, adalah penting setiap individu dalam masyarakat menekankan peranan keluarga amat penting dalam mendidik dan memantau anak-anak, termasuk memastikan komunikasi terbuka serta memberi kasih sayang dan perhatian yang secukupnya.

"Selain itu, pendidikan seksual yang betul berlandaskan agama dan budaya tempatan juga perlu diberi penekanan supaya remaja memahami konsep harga diri, maruah serta keselamatan diri.

"Rawatan trauma melalui kaunseling juga sangat penting untuk membantu mangsa membina semula keyakinan diri. Kaunselor sekolah, NGO serta pusat perlindungan remaja boleh menjadi medium sokongan," katanya.

Beliau turut menegaskan masyarakat perlu sama-sama memainkan peranan dengan melaporkan individu atau sindiket yang mengeksploitasi remaja, selain mengadakan kempen kesedaran di sekolah dan komuniti.

Pada 22 September lalu, seorang ibu tunggal berusia 43 tahun membuat laporan polis selepas mendakwa anak perempuannya yang berusia 15 tahun menawarkan khidmat seks melalui Telegram.

Siasatan awal mendapati khidmat pertama diberikan percuma, manakala bayaran dikenakan untuk kali kedua dan seterusnya.

Remaja terbabit yang juga pelajar sekolah menengah kemudian diujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tindakan lanjut.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat sebelum ini mengesahkan remaja berkenaan pada awalnya adalah mangsa rogol dan polis kini sedang menyalut faktor sebenar yang mendorongnya menawarkan khidmat seks.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAPA DIDAKWA CUAI SEBABKAN ANAK LEMAS

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes budak jatuh dalam lubang pembetung

Bapa didakwa cuai sebabkan anak lemas

Tertuduh mengaku tak salah abai mangsa berusia dua tahun

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen Sibu, di sini semalam, atas pertuduhan mengabaikan anak lelakinya berusia dua tahun sehingga menyebabkan mangsa lemas selepas terjatuh ke dalam lubang pembetung yang tidak tertutup di Jalan Dr Wong Soon Kai, Sibu, pada Ogos lalu.

Tertuduh, Ling Hoe Hock, 54, mengaku tidak bersalah selepas

pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Mengikut pertuduhan, Hoe Hock didakwa mengabaikan anaknya, Ethan Ling, apabila meninggalkannya tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu lemas kira-kira jam 6.20 petang pada 4 Ogos lalu.

Boleh dipenjara 20 tahun

Dia dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga 20 tahun atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry mencadangkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan dua penjamin tempatan atas alasan risiko tertuduh melarikan diri.

Bagaimanapun, peguam bela Jessie Wong yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan minimum RM1,000 dengan alasan tertuduh hadir secara sukarela ke mahkamah.

Jessie juga memaklumkan, tertuduh tidak bekerja dan menjaga tiga anaknya, manakala isterinya yang sebelum ini bekerja di Singapura sudah berhenti kerja dan kini turut mengangsur.

Mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM7,000 dengan RM5,000 perlu didepositkan bersama dua penjamin tempatan dan menetapkan 30 Oktober depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Media sebelum ini melaporkan kanak-kanak lelaki berusia dua tahun maut selepas terjatuh ke dalam lubang pembetung



Gambar fail lokasi kanak-kanak yang maut terjatuh dalam lubang pembetung tanpa penutup di Sibu.

(Foto ihsan JBPM)

di Sibu.

Bapa mangsa dilaporkan memaklumkan anak lelakinya itu hilang dan dipercayai terjatuh ke dalam lubang sistem pembetung berkenaan yang penutupnya hi-

lang dipercayai dicuri individu tidak bertanggungjawab.

Pasukan bomba sebelum menemui mayat mangsa terapung di dalam pembetung itu pada jam 7 malam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NAFI ABAI ANAK MATI LEMAS JATUH LUBANG PEMBETUNG

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Nafi abai anak mati lemas jatuh lubang pembetung

Kuching: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Sibu, semalam, atas pertuduhan mengabaikan anak lelaki-nya berusia dua tahun sehingga menyebabkan mangsa lemas selepas terjatuh ke dalam lubang pembetung tidak bertutup di Jalan Dr Wong Soon Kai, di Sibu, Ogos lalu.

Tertuduh, Ling Hoe Hock, 54, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Mengikut pertuduhan, Ling didakwa mengabaikan anaknya, Ethan Ling, apabila meninggalkannya tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu lemas, jam 6.20 petang, 4 Ogos lalu.

Dia dituduh mengikut

Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry mencadangkan jaminan RM10,000 dengan dua penjamin tempatan atas alasan risiko tertuduh melarikan diri.

Bagaimanapun, peguam bela, Jessie Wong yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan minimum RM1,000, dengan alasan tertuduh hadir secara sukarela ke mahkamah.

Jessie juga memaklumkan, tertuduh tidak bekerja dan menjaga tiga anaknya, manakala isterinya yang bekerja di Singapura sudah berhenti kerja dan kini

menganggur.

Mahkamah membenarkan ikat jamin RM7,000 dan menetapkan 30 Oktober ini sebagai tarikh pengurusan kes.

Pada 4 Ogos lalu, seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun disahkan mati selepas terjatuh ke dalam lubang pembetung di Sibu.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibu Sentral dikejar-kan ke lokasi sejurus menerima panggilan kecemasan, jam 6.29 petang.

Anggota bomba yang menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan menemukan jasad mangsa terapung di dalam pembetung itu, jam 7 malam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN CHARGED WITH NEGLIGENCE OVER SON'S DROWNING IN MANHOLE

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Man charged with neglect over son's drowning in manhole



Conny Banji

conny@theborneopost.com

SIBU: The father of a two-year-old boy who drowned after falling into an uncovered manhole at Jalan Dr Wong Soon Kai here, claimed trial at the Sessions Court yesterday to a charge of child neglect.

The 54-year-old pleaded not guilty before Judge Musyiri Peet to the charge framed under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001.

The Section provides for a fine of up to RM50,000 or imprisonment for up to 20 years, or both, upon conviction.

He was charged with neglecting his son by leaving him without supervision, which led to the drowning incident at about 6.20pm on Aug 4 this year.

Deputy public prosecutor Cynthia Emmelda Jerry applied for bail of RM10,000 with two local sureties, citing the risk of the accused absconding.

However, defence counsel Jessie Wong argued that there was no such risk, pointing out that the accused had appeared in court voluntarily.

Wong appealed for a minimum bail of RM1,000, saying that the accused was unemployed and had been caring for his three



The accused exits the courtroom after the proceeding.

children while his wife was working in Singapore.

Following the tragedy, his wife had resigned and returned to Malaysia.

Both husband and wife are now unemployed and caring for

their two other young children, aged six and one.

The court fixed Oct 30 for pre-trial case management and set bail at RM7,000, with RM5,000 to be deposited and two local sureties.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak 2 tahun lemas jatuh lubang pembetung: Bapa didakwa abaikan anak

Oleh Mohd Roji Kawi - September 30, 2025 @ 3:30pm

Budak 2 tahun maut terjatuh dalam lubang pembetung

Oleh Erika George - Ogos 4, 2025 @ 9:48pm



Keratan berita disiarkan BH Online

KUCHING: Seorang bapa dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Sibu, hari ini, atas pertuduhan mengabaikan anak lelakinya berusia dua tahun sehingga menyebabkan mangsa lemas selepas terjatuh ke dalam lubang pembetung tidak bertutup di Jalan Dr Wong Soon Kai, Sibu, Ogos lalu.

Tertuduh, Ling Hoe Hock, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Mengikut pertuduhan, Hoe Hock didakwa mengabaikan anaknya, Ethan Ling, apabila meninggalkannya tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu lemas kira-kira jam 6.20 petang 4 Ogos lalu.

Lelaki itu dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Cynthia Emmelda Jerry, mencadangkan ikat jamin sebanyak RM10,000 dengan dua penjamin tempatan atas alasan risiko tertuduh melarikan diri.

Bagaimanapun peguam bela, Jessie Wong yang mewakili tertuduh, memohon jumlah ikat jamin minimum RM1,000 atas alasan anak guamnya hadir secara sukarela ke mahkamah.

Wong juga memaklumkan bahawa tertuduh tidak bekerja dan menjaga tiga anak, manakala isterinya yang bekerja di Singapura sudah berhenti kerja dan kini turut menganggur.

Mahkamah kemudian membenarkan ikat jamin sebanyak RM7,000 dengan RM5,000 perlu didepositkan bersama dua penjamin tempatan, serta menetapkan 30 Oktober depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Pada 4 Ogos lalu, seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun dilaporkan maut selepas terjatuh ke dalam **lubang pembetung** di Sibu.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, dipetik berkata pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibu Sentral dikejarkan ke lokasi sejurus menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 6.29 petang.

Bapa mangsa dilapor memaklumkan bahawa anak lelakinya itu hilang dan dipercayai terjatuh ke dalam lubang pembetung berkenaan yang penutupnya dipercayai hilang akibat dicuri individu tidak bertanggungjawab.

Anggota bomba kemudian menjalankan pemeriksaan dan usaha pencarian sebelum menemui mayat mangsa terapung di dalam pembetung itu kira-kira jam 7 malam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru didakwa cabul murid di Pekan: Kertas siasatan diserahkan kepada DPP



YAHAYA Othman (tengah) meninjau inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) di sebuah stesen minyak di Jalan Bukit Ubi di Kuantan, Pahang.

Oleh : KHAIRULMIZAN YAHYA 30 September 2025, 7:59 pm

KUANTAN: Polis sudah menyerahkan kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya (DPP) bagi tindakan lanjut berhubung kes seorang guru sekolah rendah di Pekan, dekat sini yang didakwa mencabul dan melakukan amang seksual terhadap murid lelakinya.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kertas siasatan itu diserahkan kepada pejabat DPP pagi tadi selepas siasatan terhadap kes berkenaan selesai dijalankan.

"Polis sudah mengambil keterangan beberapa saksi berkaitan kejadian tersebut dan kini menunggu arahan selanjutnya daripada pihak pendakwaan. Jika perlu dikemaskini, kita akan patuh," katanya ketika ditemui selepas meninjau inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) di sebuah stesen minyak di Jalan Bukit Ubi di sini hari ini.

Yahaya dalam masa sama menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat spekulasi atau tuduhan tidak berasas, sebaliknya membiarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Suspek berusia 45 tahun itu ditahan pada 13 September lalu selepas seorang murid lelaki berusia 11 tahun mendakwa dicabul oleh guru pengiring ketika menyertai persembahan kebudayaan di Pekan.

Guru itu dibebaskan dengan jaminan polis pada 20 September dan kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan seksyen 377E Kanun Keseksaan. – **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENGAIT SAWIT MENGAKU NODA ADIK IPAR 13 TAHUN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 OKTOBER 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



PENGAIT sawit hadapi dua pertuduhan merogol adik ipar perempuan sejak awal tahun ini.

Pengait sawit mengaku noda adik ipar 13 tahun

Muar: Seorang pengait sawit mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol adik ipar perempuan sejak awal tahun ini.

Tertuduh berusia 39 tahun membuat pengakuan itu selepas dua pertuduhan dikemukakan jurubahasa terhadapnya di hadapan Hakim Nariman Badruddin.

Mengikut pertuduhan, bapa dua anak itu didakwa merogol adik iparnya berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang jam 1 pagi pada Mac lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa melakukan perkara itu terhadap mangsa sama di rumah berlainan jam 12.01 tengah malam, 31 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengait sawit mengaku rogol adik ipar

Alias Abd Rani - September 30, 2025 @ 12:31pm



Pengait sawit dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku bersalah merogol adik ipar. - Foto NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Pengait sawit mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik ipar perempuan sejak awal tahun ini.

Tertuduh berusia 39 tahun membuat pengakuan itu selepas dua pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Nariman Badruddin.

Mengikut pertuduhan pertama, bapa kepada dua anak itu didakwa merogol adik iparnya berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang, pada jam 1 pagi, Mac lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia sekali lagi didakwa melakukan perkara itu terhadap mangsa sama di rumah berlainan pada 12. 01 tengah malam, 31 Ogos lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, mahkamah bertanyakan tertuduh sama ada mahu membuat rayuan bagi permohonan ikat jamin namun lelaki itu menolaknya kerana tiada wang untuk membayar.

Ini menyebabkan tertuduh dibawa ke Pusat Koreksional Muar untuk tahan sementara.

Mahkamah menetapkan 7 Oktober ini untuk fakta dan hukuman.